


**KOD
ETIKA
PEMBANTU
PERUBATAN
(PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN)**



***CODE
OF ETHICS
FOR MEDICAL
ASSISTANTS
(ASSISTANT MEDICAL OFFICERS)***



**Lembaga Pembantu Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia**





**KOD ETIKA
PEMBANTU PERUBATAN
(PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN)**

**LEMBAGA PEMBANTU PERUBATAN
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

**CETAKAN PERTAMA (OGOS 1997)
CETAKAN KEDUA (DISEMBER 2007)
CETAKAN KETIGA (MAC 2014)
CETAKAN KEEMPAT (APRIL 2016)**

KANDUNGAN

<i>Bil.</i>	<i>Perkara</i>	<i>Muka surat</i>
	Kata-kata Aluan Pengerusi Lembaga Pembantu Perubatan	5
1.	Tata Kelakuan	7
1.1.	Integriti Profesional	7
1.2.	Hubungan Pembantu Perubatan Dengan Pesakit	7
2.	Tanggungjawab Ke Atas Piawai Penjagaan	8
3.	Penggunaan Diskripsi, Gelaran dan Publisiti	8
3.1.	Penggunaan Gelaran dan Kelulusan	8
3.2.	Publisiti	9
3.2.1.	Kepala Surat, Tanda Nama dan Kad Pengenalan Profesional	9
3.2.2.	Pekeliling, Buku Kecil, Risalah dan Pamflet	9
3.2.3.	Pameran	9

KATA-KATA ALUAN

Pada ketika kita menuju ke arah alaf baru, usaha memperkenalkan Tata Amalan dan Kod Etika Pembantu Perubatan adalah amat tepat sekali bagi menyediakan ahli-ahli profesion ini menghadapi cabaran-cabaran pada masa hadapan.

Lembaga Pembantu Perubatan mengharapkan semua ahli profesion ini dapat mengekalkan satu tahap tata kelakuan dan profesionalisma yang tinggi pada setiap masa. Ke arah mencapai hasrat ini, semua Pembantu Perubatan dikehendaki mematuhi Tata Amalan yang ditetapkan oleh Lembaga Pembantu Perubatan.

Saya berharap dengan adanya Tata Amalan ini, semua ahli profesion Pembantu Perubatan akan dibimbing ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan dan susulan daripadanya imej profesion akan terpelihara di samping dapat menentukan pemberian perkhidmatan yang lebih berkesan, beretika dan penyayang disepanjang masa.

Untuk mencapai matlamat di atas, Lembaga berharap ahli-ahli profesion ini hendaklah mematuhi sepenuhnya Tata Amalan yang ditetapkan.



(TAN SRI DATO' (DR.) ABU BAKAR BIN SULEIMAN)

Pengerusi

Lembaga Pembantu Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

PENGENALAN

Tata Amalan ini diwujudkan dengan tujuan menggalakkan dan menentukan piawaian amalan profesional dan tata kelakuan yang tinggi dikalangan Pembantu Perubatan. Tata Amalan ini yang diluluskan oleh Lembaga Pembantu Perubatan hendaklah dipatuhi oleh semua Pembantu Perubatan.

1. TATA KELAKUAN AM

1.1. Integriti Profesional

- 1.1.1. Adalah penting dan menjadi tanggungjawab setiap Pembantu Perubatan untuk meletakkan kebajikan setiap pesakit melebihi perkara-perkara lain serta menumpukan sepenuhnya pengetahuan dan kepakaran mereka kepada pesakit-pesakit.
- 1.1.2. Pembantu Perubatan hendaklah menentukan amalan piawaian profesional dan tata kelakuan yang tinggi di mana sahaja mereka bertugas serta hendaklah pada setiap masa memberi keutamaan kepada penjagaan pesakit.

1.2. Hubungan Pembantu Perubatan Dengan Pesakit

- 1.2.1. Hubungan antara Pembantu Perubatan dan pesakit adalah hubungan antara individu yang berasaskan kepercayaan bersama. Pembantu Perubatan hendaklah berusaha secara ikhlas ke arah meningkatkan mutu profesional serta memelihara kerahsiaan pesakit dan hanya mendedahkannya dengan kebenaran pesakit atau dengan arahan Mahkamah.
- 1.2.2. Setiap Pembantu Perubatan yang berdaftar di bawah Akta ini hendaklah menjaga mutu amalan profesional dan integriti diri yang tinggi dalam memberikan perkhidmatan kesihatan yang profesional kepada masyarakat.
- 1.2.3. Adalah menjadi tanggungjawab Pembantu Perubatan untuk melaksanakan tugas dengan cekap sejajar dengan latihan, kelulusan, pengetahuan, pengalaman dan kemahiran.
- 1.2.4. Hendaklah memelihara serta memberi penghormatan yang tinggi terhadap nyawa manusia walaupun dalam keadaan bahaya dan tidak boleh menggunakan pengetahuan perubatan yang berlawanan dengan undang-undang kemanusiaan.

- 1.2.5. Reputasi profesion dikalangan masyarakat memerlukan setiap Pembantu Perubatan mengamalkan tingkahlaku dan kelakuan yang baik bukan sahaja semasa melaksanakan tugas profesionnya tetapi hendaklah pada setiap masa.
- 1.2.6. Dalam menjalankan amalan profesion mereka, Pembantu Perubatan yang bertugas sebagai ahli pasukan penjagaan kesihatan, adalah membantu Pegawai Perubatan dan profesional-profesional lain dalam pengurusan semua kes-kes dan berhak untuk merujuk kepada Pegawai Perubatan semua kes di luar kemampuan profesionalnya.

2. TANGGUNGJAWAB KE ATAS PIAWAIAN PENJAGAAN KESIHATAN

- 2.1 Orang ramai berhak menikmati penjagaan kesihatan yang bermutu tinggi pada setiap masa yang mesti diberi oleh Pembantu Perubatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembantu Perubatan.
- 2.2 Dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai Pembantu Perubatan, mereka hendaklah sentiasa mengamalkan mutu profesionalisma yang tinggi, sifat penyayang dan menjadi ahli pasukan kesihatan yang bertanggungjawab.
- 2.3 Beliau hendaklah mahir, cekap serta profesional dalam menjalankan tugas dan tekun dalam mengambil sejarah pesakit, memeriksa, membuat ujian diagnostik, menentukan penyakit dan rawatan dengan memuaskan. Beliau hendaklah membuat intervensi perubatan yang segera serta merujuk apabila diperlukan.

3. PENGGUNAAN DISKRIPSI, GELARAN DAN PUBLISI

3.1 Penggunaan Gelaran dan Kelulusan

Pembantu Perubatan tidak dibenarkan menggunakan:-

- 3.1.1 sebarang gelaran selain dari yang berhubung dengan kurniaan awam, akademik dan kelulusan-kelulusan profesional;
- 3.1.2 sebarang gelaran melainkan yang berhubung dengan kurniaan awam dan apa-apa kelulusan yang diluluskan oleh Lembaga sebagai asas untuk pendaftaran atau untuk kemasukan dalam daftar.

3.2 **Publisiti**

Sebarang cara yang memberikan publisiti oleh Pembantu Perubatan adalah dilarang, tetapi boleh memberikan maklumat berkaitan dengan kerja yang dijalankan oleh mereka.

3.2.1. ***Kepala Surat, Tanda Nama dan Kad Pengenalan Profesional***

Pembantu Perubatan hendaklah hanya menggunakan kepala surat menyatakan tugas sebagai Pembantu Perubatan, kelulusan akademik dan profesional. Tanda nama dan kad pengenalan profesional hendaklah mengandungi hanya nama dan kelulusan akademik dan profesional, gelaran, alamat dan nombor telefon.

3.2.2. ***Pekeliling, Buku Kecil, Risalah dan Pamflet***

Pembantu Perubatan boleh mengeluarkan dan menghantar pekeliling, surat, buku kecil, risalah atau pamflet yang berhubungkait dengan amalan profesionalnya atau berbentuk informatif kepada rakan-rakan mereka.

3.2.3. ***Pameran***

Pembantu Perubatan boleh menyertai melalui pertubuhan mereka dalam pameran berkaitan kerjaya, kesihatan dan keselamatan yang bertujuan memberi pendidikan kepada orang awam.

*Lembaga Pembantu Perubatan
Kementerian Kesihatan Malaysia.*

1 Ogos 1997



CODE OF ETHICS
FOR
MEDICAL ASSISTANTS
(ASSISTANT MEDICAL OFFICERS)

BOARD OF MEDICAL ASSISTANTS
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

FIRST PRINTING (OGOS 1997)
SECOND PRINTING (DISEMBER 2007)
THIRD PRINTING (MAC 2014)
FOURTH PRINTING (APRIL 2016)

CONTENTS

<i>No.</i>	<i>Subject</i>	<i>Page</i>
	Foreword by Chairman of Medical Assistants	15
1.	General Professional Conduct	17
1.1.	Professional Integrity	17
1.2.	The Medical Assistant's Relationship With His Patients	17
2.	Responsibility For Standards of Health Care	18
3.	Use Of Description, Title And Publicity	18
3.1.	Use Of Title And Qualification	18
3.2.	Publicity	19
3.2.1.	Letter Head, Name And Professional Calling Card	19
3.2.2.	Circulars, Booklets, Leaflets And Pamphlets	19
3.2.3.	Exhibition	19

FOREWORD

As we are heading towards the next millenium it is as oportune moment to introduce this code at this juncture so as to prepare the members of this profession to face the challenges ahead.

The Medical Assistant's Board expects the profession to maintain a high standard of conduct and professionalism at all times.

All Medical Assistants are expected to abide by the code of practice established by the Medical Assistants' Board.

It is my fervent hope that with the introduction of this code of practice, all members of the profession would be guided towards improving the quality of service, thereby enhancing the image and ensuring a more effective, ethical, and caring service is provided at all times.

To achieve this the Board expects all Medical Assistants to conform strictly to all the requirements in this code.



(TAN SRI DATO' (DR.) ABU BAKAR BIN SULEIMAN)

Chairman

Medical Assistants (Registration) Board

Ministry of Health, Malaysia.

INTRODUCTION

The Code of Practice is established with the general aim of promoting and maintaining high standards of professional practice, and conduct amongst all Medical Assistants. The code of practice approved by the Medical Assistants Board shall be adhered to by all Medical Assistants registered with the Board and practising in Malaysia.

1. GENERAL PROFESSIONAL CONDUCT

1.1. Professional Integrity

- 1.1.1. It is the overriding and continuing responsibility of all Medical Assistants to place the welfare of their patients before all other considerations, and to apply to each patient the full extent of their knowledge and skills.
- 1.1.2. Medical Assistant shall maintain high standards of professional practice and conduct wherever he is employed, and shall always give priority to the care of his patients.

1.2. The Medical Assistant's Relationship With His Patients

- 1.2.1. The relationship between the Medical Assistant and the patient is one based on mutual trust. The Medical Assistant should make every honest endeavour to promote professional standards and preserve confidentiality of his patients and divulge any such information only after consultation with his superior (doctor) with his patient's written consent or by order of a court of law.
- 1.2.2. Every Medical Assistant registered under this Act shall maintain a high standard of professional conduct and personal integrity in the delivery of professional medical services to the public.
- 1.2.3. It is incumbent on the Medical Assistant to perform his duties with competence to the level of his training, qualification, knowledge, experience and skill.
- 1.2.4. The utmost respect for human life shall be maintained even under threat and there is no application of medical knowledge contrary to the law of humanity.

- 1.2.5. The reputation of the profession amongst the public requires that every Medical Assistant shall observe proper behavior and conduct not only in his professional capacity but at all times.
- 1.2.6. In the course of his professional practice the Medical Assistant works as a member of the Health Care Team to assist doctors and other medical professionals in the management of all cases, and shall refer to a doctor all cases beyond his professional competence.

2. RESPONSIBILITY FOR STANDARDS OF HEALTH CARE

- 2.1 The public is entitled to expect that the Medical Assistant registered with the Medical Assistant's Board provides and maintains a high standard of health care at all times.
- 2.2 In discharging his responsibilities as a Medical Assistant, he shall always practice high standards of professionalism, caring attitude and be an effective member of the Health Care Team.
- 2.3 Medical Assistant must be competent, efficient as well as professional in carrying out his duties with diligence in satisfactorily taking history, examining, carrying out diagnostic investigations, diagnosing and treating. Medical Assistant shall carry out urgent medical intervention and refer whenever necessary.

3. USE OF DESCRIPTION, TITLE AND PUBLICITY

3.1 Use of Title and Qualification

Medical Assistants shall not use:

- 3.1.1. any title other than those relating to public awards, academic and professional qualifications;
- 3.1.2. any suffix other than those relating to public honour and those qualifications approved by the Board as a basis for registration or for inclusion in the register.

3.2 **Publicity**

All means of giving publicity by a Medical Assistant shall be forbidden, but he may provide information in relation to his work.

3.2.1. *Letter Head, Name Plate and Professional Calling Card*

Medical Assistants shall only use letter heads stating work as Medical Assistant, academic and professional qualification. Name plate and calling card shall bear only the name, academic and professional qualification, titles, address and telephone number.

3.2.2. *Circular, Booklets, Leaflets and Pamphlets*

Medical Assistant may issue and send circulars, letters, booklets, leaflets and or pamphlets relating to his professional practice or of an informative nature to his colleagues.

3.2.3. *Exhibition*

Medical Assistant may through his professional association participate in exhibitions in the education of the general public in such as career, health and safety exhibition.

*Medical Assistants (Registration) Board
Ministry of Health Malaysia.*

1 August 1997

